

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF
KAWASAN : RANTAU PANJANG
NO. SOALAN : 348

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah sebenar projek yang dilaksanakan melalui pelabur asing pada tahun 2015 dan 2016 serta berapakah jumlah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN:

Pada tahun 2015, sejumlah 320 projek telah diluluskan untuk pelaburan langsung asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM21.9 bilion dengan peluang pekerjaan sebanyak 41,424. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 189 projek (59.1%) telah dilaksanakan dengan nilai pelaburan sebanyak RM8.0 bilion.

Projek-projek dalam peringkat pelaksanaan ini mewujudkan 14,278 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,499 peluang pekerjaan atau 80.5% adalah daripada projek-projek yang telah beroperasi, manakala selebihnya (19.5%) adalah bagi projek yang masih di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera.

Bagi tahun 2016 pula, iaitu bagi tempoh Januari hingga Ogos 2016, sejumlah 260 projek telah diluluskan untuk pelaburan langsung asing dengan nilai pelaburan sebanyak RM17.9 juta dengan peluang pekerjaan sebanyak 25,195.

Peluang pekerjaan ini adalah terbuka kepada rakyat tempatan dan asing berdasarkan syarat jumlah gunatenaga sepenuh masa yang dikenakan ke atas pelaburan baharu, iaitu sekurang-kurangnya 80% adalah terdiri daripada rakyat Malaysia.